

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2017

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan tuntutan IPIC terhadap Kerajaan Malaysia dan 1MDB sebanyak USD 6.5 billion.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kes timbang-tara atau *arbitration* (dengan izin) di antara pihak IPIC dan 1MDB masih lagi berlangsung di London Court of International Arbitration (LCIA). Kedua-dua pihak perlu menghormati garis panduan kerahsiaan dan publisiti atau *confidentiality and publicity guidelines* (dengan izin) pihak LCIA dan oleh itu, status kedudukan terkini kes tersebut tidak dapat diperincikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 8 MAC 2017
[RABU]
DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]

SOALAN :-

YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan pelaksanaan Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan berapakah dari jumlah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah mengikuti garis panduan tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menyediakan Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Disember 2011 dan Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-65 pada 21 Mac 2012. Garis Panduan ini juga telah diedarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 4 Julai 2012.

Garis panduan ini mengandungi cadangan bagi aspek perancangan tapak, reka bentuk bangunan dan juga proses penubuhan Tadika dan TASKA untuk diguna pakai oleh PBT dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Tujuan penyediaan garis panduan ini adalah bagi mewujudkan Tadika dan TASKA

yang mempunyai persekitaran yang berkualiti tinggi, selesa dan selamat demi perkembangan rohani dan jasmani kanak-kanak.

Sehingga kini, garis panduan ini telah dibentangkan di Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) untuk diterima pakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Negeri Pulau Pinang yang telah mempunyai garis panduan sedia ada bagi perancangan Tadika dan TASKA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebanyak 96 PBT daripada 98 PBT di Semenanjung Malaysia yang telah dikenal pasti menerima pakai garis panduan ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017